

10/02/1997

Pusat Islam anjur program besar-besaran

Bakhari Ariff

KUALA LUMPUR, Ahad - Pusat Islam akan menganjurkan program besar-besaran dengan pendekatan jangka pendek terhadap remaja bermasalah di seluruh negara bagi membanteras gejala sosial selepas cuti perayaan ini.

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, berkata program itu diadakan dengan kerjasama agensi kerajaan lain serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) termasuk dengan Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim).

"Kita juga akan meminta kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri bagi mengenal pasti remaja bermasalah," katanya kepada Berita Harian selepas menyampaikan khutbah sembahyang sunat Aidilfitri di Masjid Negara, hari ini.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan beberapa menteri Kabinet turut sembahyang di Masjid Negara pada pagi ini.

Abdul Hamid berkata, pihaknya juga akan menggunakan pendekatan psikologi dan kaunseling untuk mengajak golongan muda bersama-sama dengan Pusat Islam bagi menjayakan sesuatu aktiviti yang dianjurkan.

"Kita tidak boleh menggunakan pendekatan paksaan yang mungkin menyebabkan mereka (remaja terbabit) semakin membenci badan-badan agama," katanya.

Beliau berkata, jika dikaji remaja bermasalah itu sebenarnya barangkali kurang diberi kesedaran menyebabkan mereka mungkin terlupa melakukan sesuatu kesalahan.

"Kita yakin remaja itu tidak akan kembali kepada amalan yang melanggar moral jika mereka bersama Pusat Islam dalam sesuatu aktiviti," katanya.

Abdul Hamid juga berkata, sebuah pusat pemulihan bagi memulihkan kembali remaja bermasalah kepada kehidupan berakhlak yang berteraskan nilai-nilai murni, dijangka siap akhir tahun ini.

Pusat pemulihan yang terletak di Jelebu, Negeri Sembilan yang berharga lebih RM5 juta itu boleh menempatkan lebih 100 remaja bermasalah dalam satu sesuatu tempoh.

Terdahulu, dalam khutbahnya, Abdul Hamid meminta umat Islam menterjemahkan segala ajaran Islam dalam kehidupan.

"Kejayaan seorang individu atau negara bergantung kepada usaha menjelmakan segala ajaran al-Quran dan hadis kerana ia dijanjikan kejayaan oleh Allah," katanya.

Sambil merujuk sepotong ayat al-Quran yang bermaksud 'hendaklah kamu menjadikan dirimu sebaik-baik umat', Abdul Hamid meminta umat Islam melaksanakan semangat persaudaraan dan kesederhanaan.

"Selain itu, institusi keluarga yang menjadi asas tamadun umat Islam perlu dipertahankan supaya generasi akan datang akan meneruskan kesinambungan kemajuan negara," katanya.

(END)